



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan kongsikan pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia.

**04.11.2022**

## ❖ Panduan pengundian pelabur institusi

Pada 23 September 2022, Majlis Pelabur Institusi (*Institutional Investors Council, IIC*) telah menerbitkan Kod Pelabur Institusi Malaysia 2022 (*Malaysian Code for Institutional Investors 2022, MCII 2022*).

Pelabur institusi yang menandatangani Kod ini diharapkan supaya menyokong penerapan tadbir urus korporat (*corporate governance, CG*) yang baik dan amalan yang mampan oleh syarikat penerima pelaburan mereka. Apabila penandatangan ini berinteraksi dengan lembaga pengarah syarikat penerima pelaburan, penglibatan mereka perlu melangkaui prestasi syarikat sebaliknya turut merangkumi bidang seperti budaya dan tatakelakuan korporat. Sehingga September 2022, terdapat 38 penandatangan MCII 2022.

Di bawah MCII 2022, terdapat bahagian yang dinamakan Sorotan Pengawasan (*Stewardship Spotlight*). Bahagian ini mengetengahkan perkara yang diharapkan daripada syarikat penerima pelaburan berhubung perkara penting yang berkaitan CG dan kemampanan. Para penandatangan diharapkan supaya memberikan tumpuan kepada isu-isu ini dalam aktiviti pemantauan dan penglibatan mereka serta keputusan pengundian mereka.

Pelabur institusi mampu mempengaruhi pasaran, berdasarkan pegangan saham mereka yang besar. Penjualan saham mereka dalam jumlah yang besar mungkin akan menjelaskan harga saham sesebuah syarikat penerima pelaburan manakala pelaburan mereka pula berupaya meningkatkan profil dan nilai jenama syarikat penerima pelaburan tersebut.

Maka, bagaimanakah pemain-pemain besar kita yang merupakan penandatangan MCII, akan mengundi apabila berhadapan isu berkaitan CG? Di bawah ialah beberapa isu dan cadangan pengundian yang diketengahkan dalam Sorotan Pengawasan.

## Kepelbagaian lembaga

Faktor kepelbagaian telah mendapat niche dalam CG. Oleh yang demikian, komposisi lembaga pengarah dijangka akan dipelbagai dengan gabungan yang tepat dari segi pengalaman, kemahiran dan jantina serta perbezaan generasi. Ini bertujuan membawa perspektif dan cabaran yang berbeza kepada lembaga dalam proses perbincangan dan membuat keputusan serta mengurangkan risiko pemikiran kelompok.

Apabila menyentuh kepelbagaian jantina, Kod ini menyatakan bahawa lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.

Jika penyertaan wanita dalam lembaga pengarah berada di bawah 30%, penzahiran perlu dibuat tentang langkah-langkah yang diambil dan jangka masa yang munasabah untuk mencapai sasaran 30%. Memandangkan perkataan ‘munasabah’ bersifat subjektif, jangka masa tidak lebih dari tiga tahun dianggap sebagai munasabah.

Dasar yang jelas juga perlu digubal untuk menyokong penyertaan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pengurusan kanan dan dasar tersebut perlu dizahirkan secara terbuka. Sehubungan itu, lembaga perlu menunjukkan komitmen mereka untuk mengambil tindakan yang konkret untuk melaksanakan dasar ini.

Jika mana-mana daripada empat aspek di atas tidak diberikan penekanan oleh syarikat penerima pelaburan, pelabur institusi perlulah memilih sama ada mengundi untuk “berkecuali” atau “menentang” pemilihan semula ahli Jawatankuasa Pencalonan (*Nomination Committee*, NC).

### **Perancangan penggantian**

Perlu ada dasar dan proses untuk perancangan penggantian di peringkat pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*, CEO) dan pengurusan kanan utama.

Sekali lagi, kegagalan untuk menangani perkara ini akan menyebabkan undi “berkecuali” atau “menentang” pada pemilihan semula ahli NC.

### **Penilaian Lembaga**

Pelantikan ahli politik yang aktif adalah tidak digalakkan. Ahli politik yang aktif ditakrifkan sebagai sesiapa sahaja yang memegang jawatan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri atau pemegang jawatan yang memegang jawatan sama ada di peringkat kebangsaan, negeri atau bahagian.

Di sini, sekali lagi pelabur institusi akan sama ada mengundi untuk “berkecuali” atau “menentang” pemilihan atau pemilihan semula ahli politik yang aktif.

### **Tempoh pemegangan jawatan pengarah bebas**

Tempoh pemegangan jawatan pengarah bebas (*independent directors*, ID) mestilah dihadkan kepada sembilan tahun. Syarikat penerima pelaburan diharapkan supaya mempunyai dasar yang menetapkan had tempoh sembilan tahun untuk seseorang pengarah bebas.

Sorotan Pengawasan tidak menggalakkan pelantikan semula ID yang pernah berkhidmat dalam lembaga pengarah selama lebih dari 12 tahun walaupun telah mematuhi syarat supaya melalui tempoh bertenang selama 3 tahun.

Sekali lagi, pendirian mengundi adalah sama ada “berkecuali” atau “menentang” berhubung pengekalan ID yang telah berkhidmat melebihi sembilan tahun.

### **Imbuhan pengarah dan kakitangan pengurusan utama**

Syarikat penerima pelaburan dikehendaki menzahirkan komponen imbuhan bagi pengarah bukan eksekutif (*non-executive directors, NED*). Ini termasuk yuran untuk jawatankuasa lembaga dan lembaga pengarah, elaun mesyuarat dan emolumen lain.

Bagaimanapun, opsyen saham dan/ atau insentif berdasarkan prestasi tidak sepatutnya dibayar kepada NED. Perkara ini dipandang serius kerana pelabur institusi diharapkan supaya mengundi “menentang” pembayaran insentif berdasarkan prestasi kepada NED. Dalam kes ini, tiada undi “berkecuali”.

NED bukan eksekutif. Kebebasan seseorang ID mungkin terjejas apabila memberikan mereka opsyen saham kerana pertimbangan mereka mungkin ditumpukan kepada harga saham sewaktu membuat sesuatu keputusan. Selain itu, peruntukan insentif yang berdasarkan prestasi boleh menyebabkan mereka terlalu fokus dengan angka prestasi keuntungan/ kerugian syarikat itu.

Selain itu, perlu ada dasar imbuhan yang menerangkan dengan jelas cara untuk menentukan imbuhan pengarah eksekutif, termasuk CEO dan kakitangan pengurusan utama.

Kod ini menggalakkan penzahiran yang terperinci tentang imbuhan pengurusan kanan berdasarkan nama. Namun, sebahagian besar syarikat awam tersenarai enggan menerima pakai amalan ini atas alasan berikut:

- ia menggugat keharmonian dalaman sesebuah organisasi jika pengurusan kanan mengetahui jumlah imbuhan masing-masing.
- penzahiran sedemikian akan mengakibatkan peningkatan risiko kakitangan pengurusan kanan ‘dirampas’ oleh pihak lain dengan menawarkan pakej imbuhan yang lebih tinggi.

Penandatangan Kod ini perlu mengundi “berkecuali” atau “menentang” pemilihan semula ahli Jawatankuasa Ganjaran jika imbuhan yang dibayar kepada pengarah eksekutif dan/ atau CEO didapati berlebihan dan tidak sepadan dengan prestasi atau KPI yang telah dipersetujui.

Jadi, begitulah cara pengundian yang diharapkan daripada penandatangan MCII. Terdapat latitud yang mencukupi untuk pengundian kerana cadangan pengundian secara amnya adalah “berkecuali” atau “menentang”, kecuali untuk pembayaran apa-apa opsyen saham atau insentif berdasarkan prestasi kepada NED, yang mana ini diberikan undi “menentang”.

### **Kesimpulan**

Sorotan Pengawasan berfungsi sebagai satu lagi panduan yang berguna untuk pemegang saham minoriti apabila menggunakan hak mereka untuk mengundi. Dengan menyuarakan keimbangan dan perasaan tidak puas hati mereka menerusi pengundian yang negatif, pemegang saham minoriti juga boleh mempengaruhi amalan tadbir urus korporat sesebuah syarikat.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 7 hingga 11 November 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
07.11.22 (Isnin) 03.00 petang	Nexgram Holdings Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk melaksanakan cadangan penyatuan saham 10 kepada 1.
08.11.22 (Selasa) 10.00 pagi	IOI Properties Group Berhad (AGM)	Pendapatan IOI Properties meningkat sebanyak 4.1% pada tahun kewangan 2022 kepada RM2.59 bilion. Sementara itu, untung sebelum cukainya meningkat sedikit kepada RM1.10 bilion, berbanding RM1.08 bilion pada tahun kewangan 2021. Prestasi keuntungan yang lebih baik sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan yang lebih tinggi daripada segmen pelaburan hartanah berikutan pemulihian pasaran dan keuntungan daripada pelupusan anak syarikat.
09.11.22 (Rabu) 10.00 pagi	Gadang Holdings Bhd (AGM)	Gadang mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM652.0 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan berakhir 2021: RM574.8 juta), berikutan prestasi Bahagian Hartanah yang lebih baik namun sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan yang lebih rendah daripada Bahagian Pembinaan.  Untung sebelum cukainya melonjak kepada RM70.1 juta (tahun kewangan 2021: RM22.0 juta),

		disumbangkan oleh keuntungan daripada pelupusan tanah pembangunan serta peningkatan jualan daripada segmen pembangunan hartanah.
11.11.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Impiana Hotels Berhad (EGM)	Impiana bercadang untuk melaksanakan penyatuan saham 5 kepada 1 dan terbitan nota boleh tukar boleh tebus untuk mengumpul sehingga RM150 juta. Nota boleh tukar boleh tebus ini akan matang dalam tempoh 36 bulan dengan faedah 2.0% setahun, dibayar setiap setengah tahun. Nota ini yang akan diterbitkan dalam empat peringkat, akan diletakkan secara persendirian kepada Dana Peluang Terdahulu dan Dana Peluang Terdahulu 1. Terimaan yang diperoleh akan digunakan sebagai keperluan modal kerja dan pembayaran balik pinjaman.

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara penting/ Isu untuk diketengahkan
IOI Properties Group Berhad (AGM)	<p>Nisbah penggearan bersih Kumpulan sebanyak 0.47 pada tahun kewangan 2021 telah meningkat kepada 0.71 pada tahun kewangan 2022 berikutan pemerolehan Marina View di Singapura. (Halaman 8, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan nisbah penggearan bersih Kumpulan daripada terus merosot?</li> <li>Apakah nisbah penggearan bersih optimum Kumpulan?</li> </ol>
Gadang Holdings Bhd (AGM)	<p><u>Bahagian Pembangunan Hartanah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Berapakah jualan semasa Bahagian yang belum dibilikan? Adakah terdapat peningkatan dalam jualan yang belum dibilikan?</li> <li>Sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengurangkan penggearan, Bahagian sedang mempergiat jualan inventori sedia ada Kumpulan (Halaman 27, Laporan Tahunan 2022).</li> </ol> <p>Apakah nilai sasaran bagi inventori sedia ada yang akan habis dijual dalam dua tahun kewangan akan datang?</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Gangguan yang berterusan terhadap rantaian bekalan global, peningkatan kadar inflasi global, ketegangan merentasi Selat Taiwan serta pergolakan geopolitik yang disebabkan oleh konflik Rusia-Ukraine, mewujudkan</li> </ol>

	<p>ketidakpastian dan cabaran kepada pemaju harta tanah pada tahun akan datang (Halaman 27, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Sejauh manakah faktor-faktor yang dinyatakan di atas menjelaskan operasi perniagaan Bahagian? Apakah langkah yang diambil oleh Bahagian untuk meminimumkan apa-apa kesan negatif terhadap perniagaannya?</p>
--	--

#### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundungan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.